

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Dato' Hajah Normala Bt Abdul  
Samad [ Pasir Gudang ]  
**TARIKH** : 30 Mac 2017  
**SOALAN** : Dato' Hajah Normala Bt Abdul  
Samad [ Pasir Gudang ] minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN**  
**INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan  
usaha dan langkah yang diambil oleh  
Kerajaan untuk menggalakkan  
pengusaha Industri Kecil dan  
Sederhana (IKS) yang mengeluarkan  
produk-produk makanan tempatan  
seperti belacan, tempe, makanan  
sejuk beku dan sebagainya bagi  
mendapatkan pensijilan Halal dalam  
prinsip Halalan Toyyiban (kebersihan).

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggalakkan pengusaha Industri Kecil Sederhana (IKS) yang mengeluarkan produk makanan berasaskan pertanian untuk mendapatkan persijilan Halal melalui program latihan, khidmat konsultansi dan bantuan geran pepadanan. Latihan Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani telah diadakan dengan kerjasama Jabatan atau Majlis Agama Islam di setiap negeri bagi memberi penerangan terperinci berkenaan prosedur persijilan Halal kepada IKS. Sebanyak 7 kursus telah dilaksanakan pada tahun 2016 melibatkan seramai 783 orang usahawan IKS.

Kementerian juga telah menjalinkan kerjasama dengan Halal Industry Development Corporation (HDC) untuk Program Mudahcara Persijilan Halal bagi memberikan konsultansi terutama kepada IKS. Tahun 2016, Kementerian telah melaksanakan program tersebut ke negeri Kedah dan Kelantan melibatkan 50 usahawan IKS. Kementerian turut memberikan geran pepadanan di dalam penambahbaikan premis bagi membantu usahawan ke arah persijilan Halal. Bagi tahun 2016, sebanyak RM2.24 juta telah dibelanjakan bagi membantu 45 orang usahawan IKS dalam penambahbaikan premis ke arah persijilan Halal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR  
[TUMPAT]**

**TARIKH : 30 MAC 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 18**

**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan tindakan terkini Kerajaan berkaitan  
penembakan jatuh pesawat MH17 di Ukraine.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan terkini Kerajaan berhubung penembakan jatuh pesawat MH17 adalah seperti berikut:

- (i) Malaysia masih meneruskan penglibatannya dalam siasatan jenayah yang dijalankan oleh *Joint Investigation Team* (JIT) yang diterajui oleh penyiasat dan pendakwa Belanda melalui kehadiran mesyuarat-mesyuarat serta telepersidangan video bagi mengemaskini status penyiasatan tersebut. Mesyuarat-mesyuarat ini adalah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Peguam Negara; dan
- (ii) Malaysia juga akan terus bersama-sama dengan negara-negara yang diwakili dalam JIT dalam mengenalpasti opsiyen pendakwaan terbaik bagi menuntut keadilan berhubung penembakan jatuh pesawat MH17.